

Headline	Bursa Bull Charge kembali lagi 14 September
MediaTitle	Berita Harian
Date	12 Aug 2017



Bursa Bull Charge kembali lagi 14 September

Bursa Bull Charge (BBC), larian amal tahunan anjuran Bursa Malaysia Bhd kembali lagi buat tahun keempat yang mana ia akan berlangsung pada 14 September ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Seri Tajuddin Atan, berkata pihaknya melaksanakan inisiatif untuk mengurangkan pelepasan karbon bagi semua acara yang dianjurkan pengendali bursa tempatan itu.

Beliau berkata, langkah itu juga sejajar dengan agenda kemampunan Bursa Malaysia.

"Bagi BBC tahun ini, kami berhasrat untuk menguruskan acara neutral karbon, dan kami percaya penaja, rakan kongsi dan peserta mempunyai hasrat yang sama.

"Justeru, kami ingin menggalakkan peserta perlumbaan mengambil pengangkutan awam atau berkongsi kereta untuk ke perlumbaan ini," katanya dalam satu kenyataan.

Tajuddin berkata, pihaknya

juga akan mendermakan lebih makanan atau air ke bank makanan untuk memastikan tidak ada pembaziran.

BBC telah berkembang dari segi populariti dan kepentingannya sebagai peneraju larian amal di pasaran modal.

Tingkat sokongan

Ia adalah bukti bukan saja dalam sokongan berterusan, tetapi peningkatan sokongan daripada industri.

Malah, 65 peratus penaja menaja BBC untuk buat pertama kali.

Feruni Ceramiche Sdn Bhd sekali lagi menunjukkan sokongan untuk BBC dengan menjadi peneraju utama dalam kategori Gaur.

Sementara GD Express Carrier Bhd, Scientex Bhd dan SP Setia Bhd menaja bagi kategori Buffalo.

Pestech International Bhd dan Tenaga Nasional Bhd kembali semula sebagai penaja dalam kategori Ongole, bersama dengan



EcoWorld, Ekovest Bhd, Karex Bhd, Pavilion REIT, Press Metal Bhd, Top Glove Corporation Bhd dan TRX City Sdn Bhd.

Penaja lain termasuk Maybank Investment Bank, Software Dynamics Sdn Bhd, ValueCap Bhd dan Pelaburan Mara Bhd.

Sementara itu rakan kongsi Bursa Malaysia bagi BBC tahun ini ialah Brooks, Fraser & Neave Hol-

dings Bhd, International SOS (M) Sdn Bhd dan The Pacific Insurance Bhd dengan Media Prima Bhd dan Nanyang Siang Pau sebagai rakan medianya.

Tajuddin berkata, Bursa Malaysia berbesar hati dan berbangga bahawa pasaran modal tidak berfikir dua kali untuk datang bersama menyokong manfaat yang dijana daripada acara itu.

Beliau berkata, pihaknya menerajui dalam menyediakan platform bagi menggabungkan mereka yang mampu memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Laluan larian Bursa Bull Charge sepanjang lima kilometer yang melalui ibu pejabat beberapa peserta pasaran modal Malaysia.

Kategori perlumbaan merangkumi Larian CEO sejauh 1.5 kilometer, Larian Individu 5.0 kilometer dan Larian Berganti-ganti Korporat 2.5 kilometer.

Pendaftaran BBC ialah bullcharge.bursamarketplace.com.

Fakta nombor

2,000 PESERTA
Bursa Bull Charge tahun lalu

RM2.1 JUTA
Sumbangan yang diraih untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan